

**TUALA WANITA SEBAGAI INOVASI SOSIAL TERHADAP  
KEPERCAYAAN AMALAN TRADISI KETIKA DATANG BULAN DI  
KALANGAN MASYARAKAT DI PEDALAMAN INDIA: PADMAN (2018)  
*FEMALE PAD AS A SOCIAL INNOVATION PRACTICE TO TRADITIONAL  
PRACTICE BELIEFS DURING PERIOD AMONG COMMUNITIES IN RURAL  
INDIA: PADMAN (2018)***

**<sup>1</sup>Cut Fadillah binti T Yovie**

**<sup>2</sup>Ayu Haswida bt Abu Bakar**

*Fakulti Filem, Teater dan Animasi, UiTM, Shah Alam, Selangor*

*ayuhaswida@gmail.com1*

*Tarikh diterima: 1 Disember 2020 / Tarikh dihantar: 12 Mac 2021*

---

**ABSTRAK**

Fokus kajian adalah berkenaan fungsi tuala wanita yang dicipta oleh Lakshmi sebagai mekanisme inovasi sosial di kalangan wanita dan masyarakat pedalaman di India dalam filem *PadMan* (2018). Penciptaan tuala wanita oleh Lakshmi, suami kepada Gayatri adalah sebagai langkah penyelesaian masalah dan untuk menggubah persepsi masyarakat setempat khususnya kaum wanita dalam aspek penjagaan kebersihan dan kesihatan ketika haid. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang bersifat analisis tekstual naratif filem (*PadMan* 2018) melalui pendekatan inovasi sosial. Melalui hasil kajian, inovasi sosial ciptaan Lakshmi ini bersifat sebagai agen penolakan dan menyumbang kepada unsur negatif. Inovasi sosial ini bertindak sebagai unsur penentangan dari objektif utama fungsi inovasi sosial yang dikatakan oleh para sarjana Justeru, ia berfungsi sebagai elemen penentangan terhadap amalan dan kepercayaan tradisi dan agama di situ. Produk ini mengaibkan dan menjatuhkan maruah keluarga Lakshmi sendiri. Inovasi sosial ini turut dianggap sebagai unsur kejahatan yang mencabar agama, adat dan kepercayaan tradisi yang sudah lama diamalkan. Ironinya, pada masyarakat luar: daerah perkampungan lain dan bandar, inovasi sosial ini mencapai objektif yang dikehendaki.

**Kata kunci:** Sinema India, Sinema Asia, budaya tradisi wanita pedalaman India, inovasi sosial.

**ABSTRACT**

*The discussion offers in this paper draws on the innovation of female pad by Lakshmi, as an element of social innovation mechanism among the rural women dan society in India, in PadMan (2018). The invention of a female towel by Laksni, a husband of Gayatri function as the*

*innovation of solution and the element of change to his society and especially to the women community in his village. However, this perception serves as an element of opposition to their traditional practice and also the religious belief of the society. This study uses the textual analysis approach through the concept of social innovation. Findings of the study shows that Lakshmi's social innovation fails to achieve its function defined by the scholar. Yet it serves as negative elements to his family and his community. The action brought shame upon his family and he is labelled as a bad energy to the society. Ironically, to the others: those in the city and urban areas, his innovation serves as a positive element. Thus, it is an innovation that could lead society to a better life and hygiene. Hence, he is considered as a saviour or a hero.*

**Keywords:** Indian cinema, Asia cinema, traditional culture and rural Indian women, social innovation.

## PENGENALAN

Fokus perbincangan kajian ini adalah kesan inovasi sosial tuala wanita ciptaan Lakshmi yang berfungsi sebagai indeks penyelesaian masalah dan pengubah persepsi serta gaya hidup masyarakat setempat ke arah yang lebih baik. Definisi inovasi sosial seperti yang dinyatakan The Young Foundation (2012) di dalam Luis Portales (2019), sebagai '*new solution*' dan '*the element of change*'. Kedua Soule, Malhotra dan Clavier (2019), sebagai proses membangun dan menggunakan penyelesaian yang berkesan untuk isu-isu sosial dan persekitaran yang mencabar dan kerap dalam menyokong kemajuan sosial, dan ketiga Durkheim (1975) dan Weben (2014) dalam Luis Portales (2019: 3), sebagai '*social innovation, by stating that innovations bring a new social order mainly because of its impact on social order*'.

Persoalan kajian utama yang akan dihujahkan dan dibincangkan adalah sejauhmana penerimaan masyarakat setempat khususnya kaum wanita terhadap inovasi sosial ini sebagai indeks penyelesaian masalah terhadap aspek kebersihan dan kesihatan ketika haid? Dan bagaimanakah kesan inovasi sosial ini sebagai indeks perubahan nilai sosial budaya terhadap kepercayaan amalan tradisional atau taboo masyarakat pedalaman India ketika wanita datang bulan, di dalam filem *PadMan* (2018). Objektif kajian adalah merujuk kepada pertama, mengkaji penerimaan masyarakat setempat khususnya kaum wanita terhadap inovasi sosial ini sebagai indeks penyelesaian masalah terhadap aspek kebersihan dan kesihatan ketika datang bulan. Kedua, menganalisis kesan inovasi sosial ini sebagai indeks perubahan nilai sosial budaya terhadap kepercayaan amalan tradisional atau tabu masyarakat pedalaman India ketika wanita haid dalam filem *PadMan* (2018).

Reka bentuk kajian ini adalah bersifat kualitatif yang menggunakan kaedah analisis tekstual (*closed textual analysis*). Koding kajian adalah naratif filem yang menumpukan hanya kepada isu kemampuan inovasi sosial tuala wanita ciptaan Lakshmi sebagai indeks penyelesaian masalah kesihatan dan kebersihan dan indeks perubahan nilai sosial budaya masyarakat setempat.

## SOROTAN LITERATUR

### Kepercayaan Tradisional Masyarakat Pedalaman India (Tabu)

Jessie Norris (2017), mengatakan bahawa tabu datang bulan dalam kalangan masyarakat India bermula sejak zaman kuno. Melalui teks-teks kuno, datang bulan (haid) di kalangan wanita adalah hukuman yang telah dijatuhkan kepada Dewi Indra yang membunuh Vritra dari kalangan Brahman. Justeru, beberapa kawasan di India menganggap keadaan datang bulan atau haid menyumbang kepada mekanisme sumpahan terhadap wanita (Sharma, Vaid & Manhas: 2006).

Masyarakat India khususnya di daerah pedalaman menganggap wanita yang datang bulan sebagai “tidak suci” (Jha, R., 2014), “kotor” atau “tercemar” (Ravi & Bruton, 2018). Walaupun terdapat evolusi dan modenisasi yang menyumbang kepada perubahan budaya di India, amalan tabu datang bulan ini masih tetap tiada perubahan atau ditinggalkan. Wanita India menurut kajian Norris menggunakan kain buruk atau baju lama atau daun-daun kering serta tanah sebagai alat pelapik. Ia berfungsi sebagai alat penyerapan dan untuk mencegah darah haid bocor. Penggunaan amalan tradisi ini menyumbang atau memberi kesan kepada kesihatan wanita kesan dari kefahaman berkenaan aspek kebersihan yang tidak dititik beratkan.

Kaundal dan Thakur (2014), mendefinisikan *taboo* sebagai larangan yang merujuk kepada sesuatu amalan yang tidak boleh diterima atau salah dalam konteks kepercayaan dan budaya. Menurut mereka masyarakat ini khususnya, wanita di kawasan pedalaman yang datang bulan berada dalam keadaan kotor atau tidak suci. Justeru, para kaum wanita ini tidak dibenarkan berbincang atau bercakap mahupun mengungkit tentang keadaan dan pengalaman mereka ketika datang bulan.

Hal ini disokong oleh Garg dan Anand (2015) di mana kepercayaan bahawa ketika dalam haid mereka adalah kotor dan tidak suci, menjadikan mereka dilarang melakukan kerja harian. Justeru, masyarakat wanita di India berpegang kepada pantang larang yang diamalkan sejak turun temurun, walaupun amalan

ini ada ketikanya berfungsi sebagai penghalang kepada pengerakkan aktiviti dan kehidupan sehari-hari mereka. Contohnya, mereka perlu diasingkan dari rumah agar tidak tercemar dengan persekitaran (Ravi, M. & F. Brinley Bruton, 2018). Mereka juga tidak dibenarkan memasak (Joshi dan Fawcett: 2001). Malah, peralatan memasak mereka juga disimpan berasingan (Sharma: 2006) dan wanita di India akan mengurangkan pergaulan mereka dengan kaum lelaki semasa datang bulan kerana dipercayai pergaulan ini boleh menyumbang kepada mereka cepat menemui ajal (Ghosh: 2016). Hasil kajian Garg dan Anand (2015) mendapati tabu yang diamalkan memberi kesan terhadap emosi, mental, kesihatan dan gaya hidup wanita di India, khususnya kaum wanita di pedalaman. Contohnya, menurut mereka, menjadi satu amalan masyarakat India, remaja perempuan akan mula berhenti persekolahan mereka.

### **Inovasi Sosial**

Terma modenisasi menyumbang kepada definisi kemajuan atau pemodenan yang dialami oleh masyarakat di sesuatu tempat. Modenisasi juga merujuk kepada percubaan dalam kalangan masyarakat untuk menyesuaikan diri dengan masa, keadaan, keperluan dan gaya. Penyesuaian atau perubahan adalah dari segi makanan, fesyen, gaya percakapan, idea dan sebagainya. Modernisasi atau pemodenan ini merujuk kepada satu model peralihan evolusi daripada pramoden atau tradisional kepada masyarakat moden (Maheshwari, 2016).

Modenisasi adalah proses perubahan dan assimilasi masyarakat daripada yang lama kepada yang baharu. Melalui proses ini, pelbagai inovasi baharu khususnya inovasi sosial akan dicipta untuk keselesaan dan kemudahan masyarakat. Soule, Malhotra dan Clavier (2019) mendefinisikan inovasi sosial sebagai proses membangun dan menggunakan penyelesaian yang berkesan untuk isu-isu sosial dan persekitaran yang mencabar dan kerap dalam menyokong kemajuan sosial.

Durkheim (1975) dan Weben (2004) dalam Luis Portales (2019: 3) menyatakan, “*make the first approaches to the idea of social innovation, by stating that innovations bring a new social order mainly because of its impact on social changes.*” Justeru, produk inovasi bersifat pemboleh ubah kepada struktur gaya hidup dan nilai budaya masyarakat. Mengikut Portales (2019:3),


*“The social part of innovation focused on understanding how it affects the structure of society [...]. Innovation was as a social phenomenon since its implementation and development affected society.”*

Inovasi sosial menurut Portales mengikut definisi The Young Foundation (2012) terbahagi kepada empat faktor iaitu, *the innovation of solution, satisfaction of a need, change of social structure and relationships* dan *increase of society's capacity to act*.

Maka, inovasi sosial adalah agen penyelesaian masalah dalam sesebuah masyarakat. Inovasi sosial ini berfungsi sebagai pemangkin terhadap transformasi sesebuah masyarakat, daripada yang dulu kepada yang ‘baharu’. Asimilasi masyarakat terhadap produk inovasi sosial ini akan mengakibatkan proses transformasi berlaku. Dari sini, secara langsung dengan sendirinya akan mengubah struktur nilai sosial budaya sesebuah masyarakat.


### Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian menggunakan kaedah kualitatif yang bersifat analisis tekstual. Analisis tekstual ini bersifat analisis kandungan merujuk kepada naratif filem *PadMan* (2018).



**Rajah 1** Reka bentuk kajian – analisis kandungan (*close textual analysis*) bersifat analisis naratif.

Koding kajian adalah isu yang merujuk kepada inovasi sosial tuala wanita ciptaan Lakshmi. Melalui koding ini, data yang dikumpulkan adalah melalui konsep kerangka teori inovasi sosial merujuk kepada pertama, The Young Foundation (2012) sebagai ‘*new solution*’ dan ‘*the element of change*’. Kedua Soule, Malhotra dan Clavier (2019), sebagai proses membangun dan menggunakan penyelesaian yang berkesan untuk isu-isu sosial dan persekitaran yang mencabar dan kerap dalam menyokong kemajuan sosial, dan ketiga, Durkheim (1975) dan Weben (2014) dalam Luis Portales (2019: 3), sebagai ‘*social innovation, by stating that innovations bring a new social order mainly because of its impact on social order*’. Oleh hal yang demikian, unit analisis yang dipilih adalah inovasi sosial sebagai indeks penyelesaian masalah dan indeks perubahan nilai sosiobudaya.



**Rajah 2** Kerangka Teori Konseptual Inovasi Sosial (tuala wanita ciptaan Lakshmi).

Merujuk kepada kerangka teori konseptual yang dibina untuk kajian ini, pemboleh ubah inovasi sosial adalah indeks bersifat tuala wanita yang dicipta oleh Lakshmi. Justeru, kajian ini hanya menumpu kepada inovasi ini dan pengaruhnya terhadap masyarakat di pedalaman India, khususnya kaum wanita, bagi tujuan menjawab persoalan kajian dan perbincangan objektif kajian. Oleh hal yang demikian, tuala wanita yang sudah ada di pasaran ketika ini (dalam filem) bertindak hanya sebagai pemangkin kepada penciptaan inovasi sosial yang dikaji.

Maka, dengan ini tuala wanita di pasaran itu berfungsi sebagai bukan boleh ubah inovasi sosial yang dikaji dalam penulisan ini.

Kajian ini akan melihat fungsi dan mekanisme indeks invosi sosial ke atas masyarakat yang dikaji. Adakah ia bersifat mekanisme sebagai penyelesaian masalah ataupun sebagai mekanisme perubahan nilai sosiobudaya kepada masyarakat yang dikaji. Seperti mana yang dihursti dan hasil kajian daripada sarjana sosiobudaya yang telah dinyatakan di atas, atau mungkin kedua-duanya sekali. Jika benar, pemberat indeks manakah yang menyumbang sebagai primari?

The Young Foundation (2012) menyatakan bahawa inovasi sosial sebagai '*new solution*' dan '*the element of change*'. Kedua, pada pendapat Soule, Malhotra dan Clavier (2019), inovasi sosial sebagai proses membangun dan menggunakan penyelesaian yang berkesan untuk isu-isu sosial dan persekitaran yang mencabar dan kerap dalam menyokong kemajuan sosial. Durkheim (1975) dan Weben (2014) dalam Luis Portales (2019: 3) pula menyimpulkan bahawa inovasi sosial sebagai '*social innovation, by stating that innovations bring a new social order mainly because of its impact on social order*'.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Representasi Inovasi Sosial - Tuala Wanita dalam Budaya Tradisi Wanita dan Masyarakat Setempat

Konsep inovasi sosial dalam budaya tradisi wanita di India yang dikenal pasti dalam filem *PadMan* (2018) adalah tuala wanita yang dicipta oleh Lakshmi, suami kepada Gayatri. Identifikasi ini merujuk kepada tuala wanita ini dicipta bagi menggantikan penggunaan kain pelapik yang disebut Lakshmi sebagai '*dirty cloth*' atau kain kotor ketika datang bulan yang menjadi amalan tradisi kaum wanita di daerah situ. Oleh hal yang demikian, identifikasi ini menyumbang kepada fungsi produk ini sebagai inovasi yang bersifat indeks penyelesaian masalah atau *the innovation of solution* (The Young Foundation, 2012).

Pada Lakshmi, inovasi sosial iaitu tuala wanita mempunyai pencirian kebersihan berbanding kain pelapik yang menjadi amalan tradisi yang digunakan oleh kaum wanita ketika datang bulan.

## **Inovasi Sosial sebagai Indeks Penyelesaian Masalah atau *The Innovation of Solution***

*Gayatri: 55 Rupees. You won't a lottery? You should return. [...] Imagine all women using this expensive cloth, we'll end up spending a future. It is as expensive as jewellery.*

Berdasarkan dialog Gayatri, tuala wanita sudah lama wujud di kawasan pedalaman tersebut. Sungguhpun begitu, berdasarkan taraf ekonomi dan kelangsungan hidup masyarakat di situ, tuala wanita bukanlah keperluan. ‘*It is as expensive as jewellery*,’ secara jelas membawa maksud bahawa tuala wanita yang sedia ada di pasaran adalah sangat mahal dan tidak mampu dimiliki. Merujuk kepada kata-kata Gayatri juga, dengan hanya membeli satu tuala wanita ini mereka dianggap membazir sedangkan wang ini boleh digunakan untuk membeli makanan dan keperluan harian lain.

Konsep pembaziran ini secara tidak langsung menyumbang kepada unsur negatif terhadap tuala wanita yang sedia. Melalui kata-kata Gayatri, “*you should return it. No arguments,*” bertindak sebagai penolakan sepenuhnya daripada kaum wanita di situ. Dengan itu, penolakan sepenuhnya ini menyumbang kepada persepsi negatif terhadap produk tersebut: bersifat mahal dan membazir

Jelas di dalam naratif filem *PadMan* (2018), penolakan sepenuhnya daripada Gayatri terhadap tuala wanita yang ada di pasaran, berfungsi sebagai pemangkin kepada Lakshmi untuk mencari penyelesaian kepada permasalahan mahal dan kebersihan bagi tujuan kesihatan wanita. The Young Foundation (2012) dalam Luis Portales (2019: 5) menyatakan:

*'The innovation of solution refers to the novelty on the form of satisfying the need. The method to satisfy the need must be different from the traditional way. The element of novelty can be given by the creation of something new or inclusion of new features or components in the need satisfaction.'*

Justeru proses inovasi sosial sebagai indeks penyelesaian Lakshmi menyumbang kepada penciptaan inovasi sosial tuala wanita yang memenuhi pencirian ‘*different from the traditional way*’ iaitu kain pelapik. Inovasi sosial ini juga mempunyai pencirian ‘*the element of novelty can be given by the creation of something new or inclusion of new features or components in the need satisfaction*’, berbanding tuala wanita yang sedia ada di pasaran dari segi harga, dan jauh lebih bersih dari kain pelapik yang menjadi amalan kaum wanita ketika datang bulan di kawasan itu.

Inovasi sosial Lakshmi pada awalnya diterima baik oleh Gayatri. Namun begitu, inovasi tuala wanita tersebut gagal dari aspek kualiti. Ia mudah bocor. Hal ini disebabkan inovasi tuala wanita yang dihasilkan oleh Lakshmi hanya fokus kepada aspek kebersihan dan murah, manakala unsur kualiti dan keberkesanannya tidak diberi perhatian. Ia mudah bocor berbanding kain pelapik yang digunakan oleh Gayatri selama ini. Kebocoran yang berlaku telah menyebabkan Gayatri malu dan marah. Maka, objektif '*satisfaction of need*' (The Young Foundation, 2012) tidak berlaku.

Kegagalan produk inovasi sosial Lakshmi untuk mencapai tahap '*satisfaction of need*' menyumbang kepada pengukuhkan unsur negatif terhadap tuala wanita yang ada di pasaran secara umum dan produk inovasi sosial Lakshmi secara khusus. Secara tidak langsung, kegagalan inovasi sosial ini telah mengukuhkan lagi kepercayaan Gayatri yang mewakili golongan wanita di situ terhadap amalan tradisi ketika datang bulan - memakai kain pelapik.

Kebocoran haid yang dialami Gayatri telah berlaku di hadapan keluarga Lakshmi mengakibatkan beliau sangat malu. Kesan dari rasa malu yang tinggi membentuk perasaan trauma dalam diri Gayatri terhadap inovasi sosial Lakshmi. Kesan dari trauma kebocoran, inovasi sosial Lakshmi yang telah melalui proses penambahbaikan tidak berjaya meraih kepercayaan dan keyakinan Gayatri.

Lakshmi: [...] *Using that dirty rag again? I made something for you [sanitary pad]. Why were not you using it?*

Gayatri: *It is useless. It soiled my entire sari. I spent whole night washing it. [...] Do not get involved with something you should not.*

Gayatri: *I have been using this for years. [...] Women would rather die than live with shame! I feel ashamed to even talking about this. Please leave me alone!*

Jelas pada tahap ini, inovasi sosial Lakshmi yang bersifat '*the innovation of solution*' ini tidak mampu untuk memenuhi pencirian untuk '*satisfy a social need (more effectively than existing solution)*' (The Young Foundation, 2012) dalam Portales (2019: 6). Inovasi sosial melalui indeks sebagai produk penyelesaian masalah terhadap harga dan kebersihan gagal mencapai objektifnya. Ia ditolak secara total oleh kaum wanita di situ. Kebocoran yang berlaku dan juga darah monyet yang diambil sebagai uji kaji kualiti produk inovasi sosial ini (ketika proses penambahbaikan) menyumbang kepada penghinaan terhadap maruah golongan wanita dan juga keluarga Lakshmi sendiri. Pada keluarga Lakshmi;

Kakak Lakshmi: [...] *This is not a gift you present in front of everyone! I wanted to die of shame! [...] He has gone mad! For god's sake, do not come to my place! Or they will send me packing here!*

Ibu Lakshmi: [...] *I am so ashamed!*

Oleh hal yang demikian, kegagalan produk inovasi ini sebagai indeks penyelesaian masalah terhadap masyarakat setempat menyumbang kepada pembentukan produk inovasi sosial ini. Ia adalah ikonotasi unsur negatif terhadap kepercayaan amalan tradisi budaya wanita ketika datang bulan dalam kalangan golongan wanita di perkampungan pedalaman di Maheshwar ini.

### **Inovasi Sosial sebagai Indeks Perubahan Nilai Sosial Budaya atau *The Element of Change in Structure and Social Relations***

Ikonotasi negatif yang diangkat melalui indeks penyelesaian masalah bukan sahaja menyumbang kepada unsur penghinaan. Malah, ia juga menyumbang kepada unsur pencemaran pada kesucian agama. Unsur pencemaran ini diangkat dalam bentuk perumpaan oleh orang-orang kuil terhadap Lakshmi. Lakshmi dianggap sebagai pembawa penyakit berjangkit yang merbahaya. Penyakit ini dipercayai oleh masyarakat setempat sebagai balasan atau hukuman Tuhan mereka kepada Lakshmi kerana dia telah melanggar dan terpesong dari kepercayaan agama mereka.

*Ketua Agama /Priest 1: He infected our river with disease!*

*Ketua Agama /Priest 2: He should be sent to hell alive! He is against our religion.*

*Penduduk Kampung (Perempuan)1: He is a man of loose morals.*

*Penduduk Kampung (Perempuan)2: He sows his wild oats. He will definitely catch disease!*

*Penduduk Kampung (Perempuan)3: They say this disease spread by touching!*

Menurut ketua agama atau sami dikawasan itu, '*he infected our river with disease!*' merujuk kepada Lakshmi yang ketika itu adalah pembawa penyakit berjangkit tersebut. Tema penyakit ini timbul setelah Lakshmi yang dianggap sudah sesat dan terpesong dari akidah agama mereka menguji kaji keberkesanan tuala wanita ciptaannya dengan darah monyet.

Sungai pada masyarakat Hindu kawasan itu khususnya dan masyarakat Hindu di India umumnya adalah bersifat suci atau ‘*sacred*’. Maka, dialog sami itu membawa kepada konotasi bahawa Lakshmi melalui inovasinya yang dianggap sebagai unsur pencemaran adalah pembawa malapetaka kepada kesucian atau ‘*sacred*’ agama dan penduduk di situ.

Pendapat ini disokong oleh sami kedua, ‘*he should be sent to hell alive! He is against our religion.*’. Pelabelan Lakshmi sebagai ‘*he is against our religion*’, pada unsur pencemaran ini secara tidak langsung membawa inovasi sosial tuala wanita melalui indeks perubahan nilai sosial budaya tidak berlaku dan gagal dari segi pencapaian objektifnya. Iaitu, menurut The Young Foundation (2012) di dalam Portales (2019: 5),

*‘The element of change in structure and social relation refers to the idea that a social innovation generates a transformation in society through a change in the way it is structured.’*

Jelas di sini inovasi sosial Lakshmi tidak berjaya menghasilkan sebuah transformasi nilai budaya ‘baharu’ terhadap masyarakat. ‘*He should be sent to hell alive*’ memberi indikasi bahawa kesalahan atau kejahatan Lakshmi ini sangat besar dan dia adalah konotasi kepada unsur ‘kesyaitanan’.

### **Representasi Inovasi Sosial Lakshmi pada Masyarakat Luar dan Bandar**

Kegagalan inovasi sosial Lakshmi mencapai objektif sebagai indeks penyelesaian masalah terhadap harga dan kebersihan dan juga sebagai indeks perubahan nilai budaya sosial masyarakatnya menyumbang kepada unsur negatif dan beliau dikonotasikan sebagai figura unsur ‘kesyaitanan’. Oleh hal yang demikian, beliau harus keluar daripada masyarakat tersebut agar unsur negatif itu boleh dibaik pulih atau *naturalised* semula.

### **Inovasi Sosial sebagai Indeks Penyelesaian Masalah atau *The Innovation of Solution***

Penobatan Lakshmi sebagai penerima Anugerah Pilihan Presiden dalam pertandingan inovas, bertindak sebagai konsep penerimaan terhadap produk inovasi sosial tuala wanita yang dicipta Lakshmi. Kemenangan ini diperkuuhkan lagi apabila Amitabh Bachchan menyatakan bahawa ‘*great innovators are those that lead society towards a better tomorrow*’. Pernyataan Amitabh Bachchan ini mempunyai hubung kait yang kuat dengan inovasi sosial sebagai indeks perubahan nilai budaya masyarakat. Pengiktirafan dan pernyataan Amitabh Bachchan ini

juga menjadi kayu ukur terhadap kualiti produk inovasi sosial tersebut dari segi pencirian kebersihan, keberkesan dan harga yang ingin dicapai oleh Lakshmi.

*'Great innovators are those that lead society towards a better tomorrow'* memberi indikasi bahawa Lakshmi adalah 'great innovators' penyelamat atau seorang wira kepada masyarakat. Justeru, produk inovasi sosial menyumbang kepada unsur positif. Ia berbeza dengan pelabelan Lakshmi dan produk inovasi sosial di daerah sendiri. Pada tahap ini, objektif inovasi sosial sebagai indeks penyelesaian masalah Lakshmi adalah tercapai.

### **Inovasi Sosial sebagai Indeks Perubahan Nilai Sosial Budaya atau *The Element of Change in Structure and Social Relations***

Inovasi sosial sebagai indeks perubahan nilai sosial budaya berlaku secara tidak ketara. Hal ini demikian kerana masyarakat di daerah luar dari daerah Lakshmi dan bandar direpresentasi dalam filem sebagai sudah tidak kuat pegangan kepada amalan tradisi lama seperti mana yang dipaparkan di perkampungan Lakshmi. Kekangan mereka hanyalah dari segi harga yang mahal sahaja.

Kejayaan Lakshmi memperkenalkan tuala wanita membolehkannya dinobatkan sebagai 'great innovators' dan penerimaan masyarakat bandar besar serta daerah luar kawasan pedalaman. Ironinya, indeks dan ikonotasi unsur kejahatan Lakshmi pada persepsi masyarakatnya, berubah daripada negatif kepada positif. Lakshmi telah diangkat oleh mereka sebagai hero. Pada peringkat ini, perubahan persepsi masyarakat pedalamannya 'dibaca' sebagai representasi sinikal pengarah terhadap politik masyarakat pedalaman, khususnya kalangan golongan Brahmin terhadap mereka yang cuba mencabar kepercayaan tradisi yang dianggap sebahagian daripada pegangan atau akidah agama.

### **KESIMPULAN**

Inovasi sosial ciptaan Lakshmi dalam filem PadMan (2018) tidak mampu mencapai objektif sebagai indeks penyelesaian masalah: kebersihan dan harga, malah gagal mencapai indeks perubahan nilai budaya masyarakat setempat.

Hal ini berpunca daripada insiden kebocoran. Kegagalan ini menyumbang kepada trauma. Secara langsung, ia mengangkat pengukuhan kualiti kain pelapik yang diamalkan sejak turun-temurun. Justeru, objektif inovasi sosial melalui indeks penyelesaian masalah masyarakat tidak berjaya dicapai oleh Lakshmi di daerahnya sendiri.

Kebocoran ini juga menyumbang kepada kegagalan pencapaian inovasi sosial ini sebagai indeks perubahan nilai budaya masyarakat setempat. Seperti mana yang dikatakan oleh Amitabh Bachchan, ‘*great innovators are those that lead society towards a better tomorrow*’ (*PadMan*, 2018).

Konstruksi kegagalan ini menjadi lebih kuat dan kukuh apabila ia diapung oleh keteguhan kepercayaan dan nilai pegangan tradisi masyarakat Lakshmi. Persekutuan masyarakat Lakshmi yang ruangnya adalah pedalaman, pegangan pada adat, nilai budaya dan kepercayaan serta agama adalah kuat.

Filem *PadMan* (2018) diinspirasi daripada cerita sebenar. Justeru, filem ini secara sinis mengkritik masyarakat pedalaman khususnya kaum wanita yang tidak mahu pembaharuan. Filem ini juga mengkritik pihak atasan dan golongan agama yang tidak menghiraukan perihal kebersihan ketika datang haid hanya kerana ia suatu yang tabu.

## RUJUKAN

- Garg, S., & Anand, T. (2015). Menstruation related myths in India: Strategies for combating it. *Journal of Family Medicine and Primary Care*, 4(2), 184–186. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC4408698/>
- Ghosh, N. (2016). *Interrogating disability in India: Theory and practice*. Kolkata: Springer.
- Jha, R. (2014). 100 women 2014: The taboo of menstruating in India. *BBC News*. <https://www.bbc.com/news/world-asia-29727875>
- Joshi, D., & Fawcett, B. (2006). Water, Hindu mythology and an unequal social order in India. *A History of Water*, 3, 119–36.
- Kaundal, M., & Thakur, B. (2014). A dialogue on menstrual taboo. *Indian Journal of Community Health*, 26(2), 192–195.
- Norris, J. (2017). The menstrual taboo and modern Indian identity. *Western Kentucky University Top Scholar*. [https://digitalcommons.wku.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1702&context=stu\\_hon\\_theses](https://digitalcommons.wku.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1702&context=stu_hon_theses)
- Portales, L. (2019). *Social innovation and social entrepreneurship: Fundamentals, concepts, and tools*, Switzerland: Palgrave Macmillan
- Ravi, M., & Bruton, F. B. (2018). Meghan Markle is an ally as India battles menstruation taboos. *NBC News*. <https://www.nbcnews.com/news/world/meghan-markle-ally-india-battles-menstruation-taboos-n894416>
- Sharma, N., Vaid, S., & Manhas, A. (2006). Age at menarche in two caste groups (Brahmins and Rajputs) from rural areas of Jammu. *The Anthropologist*, 8(1), 55–57.

